




مجلس بنداراي ڤتالیج جايا
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

PENDAFTARAN PERKHIDMATAN PENGHANTAR MAKANAN/BARANGAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN

1. Terbuka kepada semua yang mempunyai dan mengendalikan perkhidmatan penghantar makanan/barangan di Petaling Jaya.
2. Mempunyai lesen memandu yang sah.
3. Mempunyai cukai jalan dan insurans yang sah dan belum tamat tempoh.
4. Permohonan pendaftaran perkhidmatan penghantar makanan/barangan boleh dibuat secara dalam talian dengan melayari <https://elesen.mbpj.gov.my>

PANDUAN KESELAMATAN MAKANAN : KEPERLUAN PENGHANTAR MAKANAN (RIDERS)





PENDAFTARAN PERKHIDMATAN PENGHANTAR MAKANAN/BARANGAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

SYARAT-SYARAT MENJALANKAN AKTIVITI PENGHANTAR MAKANAN/BARANGAN

1. Hendaklah sentiasa dalam keadaan sihat dan melaksanakan self-regulating health check secara berkala seperti pemeriksaan suhu badan, mengesan simptom demam, selsema, batuk dan sebagainya.
2. Tidak dibenarkan bekerja sekiranya didapati tidak sihat.
3. Penghantaran makanan/barangan hanya dibenarkan mulai jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam sahaja.
4. Penghantaran makanan/barangan adalah di dalam kawasan Petaling Jaya atau di dalam radius 10km dari lokasi premis tempahan makanan/barangan.
5. Elak dari memakai sarung tangan. Sebaiknya kerap mencuci tangan dan menggunakan sanitizer sebelum dan selepas menyerahkan makanan/barangan kepada pelanggan.
6. Hendaklah berpakaian bersih dan tidak merokok.
7. Memakai topi keledar yang bersih.
8. Memakai penutup mulut dan hidung (digalakkan menukar sekiranya kotor).
9. Memastikan beg termal dalam keadaan bersih dan barang peribadi tidak diletakkan bersama makanan.
10. Memastikan bungkusan makanan tidak terbuka atau bocor.
11. Memastikan label masa makanan siap dimasak ditampal pada bungkusan makanan oleh pengusaha makanan.
12. Hendaklah memastikan makanan yang dibawa tidak terdedah kepada pencemaran.
13. Mengelakkan sentuhan semasa penyerahan “Contactless Delivery” kepada pelanggan.
14. Mengamalkan penjarakkan social (social distancing) 1 meter ketika menyerahkan makanan kepada pelanggan.
15. Sila rujuk perkara 4.5 dan 6.9 Garis Panduan Keselamatan Makanan Bagi Produk Makanan yang dijual secara dalam talian (online) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang di keluarkan oleh Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan Kementerian Kesihatan Malaysia.
16. Jenis penghantaran yang boleh di buat adalah barang runcit, makanan, minuman, pakaian dan lain-lain yang berkaitan.
17. Penghantaran yang dilarang adalah seperti minuman keras, rokok, senjata api, dadah, barang mudah terbakar dan sebagainya.
18. Penghantar makanan/barangan juga hendaklah mengemukakan bukti pesanan makanan/barangan sekiranya diminta berbuat demikian oleh anggota keselamatan yang bertugas di sekatan jalan raya.
19. Surat kelulusan hendaklah sentiasa di bawa sepanjang tempoh penghantaran di buat bagi memudahkan proses pemeriksaan oleh agensi yang berkaitan.
20. Majlis berhak meminda apa-apa syarat yang dikenakan dari semasa ke semasa tertakluk kepada arahan Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia.
21. Majlis tidak akan bertanggungjawab jika berlaku sebarang kerugian, kemalangan dan apa-apa tindakan yang dikenakan oleh pihak berkuasa.
22. Kegagalan mematuhi arahan yang ditetapkan tindakan penguatkuasaan akan diambil.




مجالس بنداراي ڤتالیج جايا
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

PENDAFTARAN PERKHIDMATAN PENGHANTAR MAKANAN/BARANGAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

DOKUMEN YANG PERLU DILAMPIRKAN:-

- Salinan kad pengenalan.
- Salinan lesen memandu.
- Gambar berukuran passport.



Permohonan pendaftaran perkhidmatan penghantar makanan/barangan boleh dibuat di dalam talian dengan melayari laman web

<https://elesen.mbpj.gov.my>